

Headline **Kehadiran tidak diterima**
Date **26 Mar 2010**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Setempat**
Journalist **Mohd Jamilul Anbia Md Denin**
Frequency **Daily**
Circ / Read **289,315 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **40**
Article Size **284 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **6,106**
PRValue **18,319**



Kehadiran tidak diterima

20 penghuni rumah perlindungan mangsa Aids diberi tekanan kosongkan kawasan kediaman elit

>>Oleh **Mohd Jamilul Anbia
Md Denin**

anbia@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Keperitan dialami sekumpulan 20 pesakit Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (Aids) yang menghuni sebuah rumah perlindungan di Taman OUG di sini apabila tidak hanya dipandang hina masyarakat persis anjing kurap, malah diberi tekanan berterusan supaya berpindah dari kawasan elit berkenaan berikutan dianggap jijik dan merosakkan panorama.

Difahamkan beberapa penduduk kediaman banglo berhampiran sengaja membuat aduan kepada pihak berkuasa tempatan termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengenai

kediaman penghidap HIV terbabit yang didakwa dibangunkan secara haram.

Sikap prejudis masyarakat sekeliling itu dianggap keterlaluan berikutan golongan penghidap HIV dan Aids ter-

babit yang rata-ratanya berusia 50 tahun ke atas hanya ingin memulakan kehidupan baru sambil menghabiskan

sisa hidup dengan cara positif.

Ketua rumah perlindungan Crisis Home, Isaac Tan, berkata dugaan dan tekanan yang dihadapi daripada masyarakat sekeliling terhadap penghuni rumah terbabit lahir daripada sikap diskriminasi dan singkat akal sege-lintir masyarakat terhadap golongan itu.

Menurutnya, mereka bukanlah pengemis atau kutu jalanan yang mengharap belas simpati atau derma setiap bulan berikutan kebanyakan penghuni akan berusaha mencari dana kewangan melalui kerja sukarelawan dan kraf tangan bagi

Headline **Kehadiran tidak diterima**
Date **26 Mar 2010**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Setempat**
Journalist **Mohd Jamilul Anbia Md Denin**
Frequency **Daily**
Circ / Read **289,315 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **40**
Article Size **284 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **6,106**
PRValue **18,319**

mendapatkan wang sara hidup.

“Sejak sekian lama kami menghuni rumah perlindungan ini yang dilengkapi

landskap menghijau dan pokok yang mengelilingi kawasan kediaman.

“Malah, kebanyakan penghuni yang rata-ratanya dibuang ahli keluarga cuma mahu mencari perlindungan di rumah terbabit tanpa mahu memikirkan konflik atau pandangan negatif masyarakat,” katanya selepas menerima kunjungan dari Pertubuhan Aman Malaysia dan kumpulan pelajar HELP Universiti, semalam.

Lawatan diketuai, Pengerusi Biro Antarabangsa Aman Malaysia, Datuk Ahmad Zaki Zahi itu dilakukan bagi menyelami kehidupan lebih 20 penghuni

rumah perlindungan berkeadaan yang hidup dalam keadaan serba kekurangan selain memerlukan perhatian masyarakat.



SIMPATI
...Ahmad Zaki (kiri) menyampaikan sumbangan kepada Tan sambil diperhatikan kumpulan pelajar HELP Universiti, semalam.